

## HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Helaian Pendedahan Produk menyediakan sebahagian daripada maklumat utama yang perlu anda pertimbangkan sebelum menyertai sijil takaful perubatan yang paling sesuai dengan keperluan anda. Anda perlu membaca dengan teliti sijil takaful anda untuk maklumat terperinci mengenai perlindungan anda.

KETAHUI LEBIH LANJUT:



### Langkah 1 Adakah sijil takaful ini sesuai untuk anda?

- Sijil takaful ini melindungi perbelanjaan hospital dan pembedahan hingga umur 85.
- Sumbangan takaful anda akan dikumpulkan bersama sumbangan peserta takaful lain untuk membayar tuntutan. Jika jumlah keseluruhan tuntutan yang dibayar daripada kumpulan dana itu tinggi, sumbangan takaful untuk semua peserta takaful dalam kumpulan yang sama mungkin akan meningkat, termasuk sumbangan takaful anda **walaupun anda tidak membuat tuntutan**.

### Langkah 2 Adakah ia memenuhi keperluan anda?

#### Apa yang dilindungi?

- Bilik & Makanan Hospital: RM<amount>
- Fi Pembedahan: Seperti yang dicaj. Tertakluk kepada had tahunan

Manfaat yang dibayar adalah secara tanpa tunai dan tertakluk kepada:

- Had Tahunan Keseluruhan: RM<amount>
- Had Sepanjang Hayat Keseluruhan: Tiada had

#### Apa yang tidak dilindungi?

- Keadaan perubatan yang anda ada, atau mempunyai simptom, sebelum menyertai pelan (keadaan sedia ada)
- Penyakit yang ditetapkan (contohnya, hipertensi, diabetes) dalam tempoh 120 hari pertama dari tarikh dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula yang terkini bagi sijil
- Penyertaan dalam mana-mana aktiviti jenayah atau aksi yang menyalahi undang-undang, mogok, rusuhan, keganasan atau kekecohan awam

Ini bukan senarai yang lengkap. Sila baca sijil takaful anda dengan teliti untuk maklumat terperinci mengenai apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Kami atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

### Langkah 3 Adakah anda mampu untuk menanggung kenaikan sumbangan takaful dari semasa ke semasa?

Jadual Unjuran Sumbangan Takaful

| Umur            | Sumbangan takaful semasa berdasarkan umur yang dicapai (RM) | Anggaran sumbangan takaful                                         |                                                       | Anda boleh mengurangkan sumbangan takaful yang perlu dibayar dalam jangka panjang dengan memilih pelan-pelan yang mempunyai: |
|-----------------|-------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                 |                                                             | Berdasarkan <7% <sup>1</sup> > inflasi perubatan setiap tahun (RM) | Berdasarkan <10%> inflasi perubatan setiap tahun (RM) |                                                                                                                              |
| <Entry age (N)> | <XX>                                                        |                                                                    |                                                       |                                                                                                                              |
| <N+5 years>     | <XX>                                                        | <YY>                                                               | <YY>                                                  | (a) Deduktibel yang lebih tinggi.                                                                                            |
| <N+10 years>    | <XX>                                                        | <YY>                                                               | <YY>                                                  | (b) Had tahunan keseluruhan/had bilik & makanan hospital yang lebih rendah.                                                  |
| <N+15 years>    | <XX>                                                        | <YY>                                                               | <YY>                                                  |                                                                                                                              |
| <N+20 years>    | <XX>                                                        | <YY>                                                               | <YY>                                                  |                                                                                                                              |


• Unjuran di atas adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja.

• Sumbangan Takaful dipengaruhi oleh peningkatan kos rawatan dan peningkatan penggunaan perkhidmatan kesihatan oleh peserta takaful. Ini boleh menyebabkan kadar inflasi perubatan sebenar lebih tinggi atau lebih rendah daripada ilustrasi di atas. Kami sedang mengambil langkah-langkah kawalan kos yang diperlukan dengan kerjasama pihak berkepentingan lain untuk menguruskan peningkatan sumbangan takaful dari masa ke masa.

• Sebahagian besar sumbangan takaful anda akan digunakan untuk membayar tuntutan. Secara purata, bagi setiap RM1.00 sumbangan takaful yang dibayar, RM<0.72><sup>2</sup> diperuntukkan untuk membayar tuntutan. Baki diperuntukkan bagi kos pengagihan, perbelanjaan pengurusan, dan keuntungan operator takaful.

<sup>1</sup> Ini adalah peningkatan tahunan dalam kos purata rawatan yang dicaj oleh hospital kepada industri insurans dan takaful dari tahun <2020 hingga 2023>.

<sup>2</sup> Ini adalah berdasarkan data purata industri insurans dan takaful dari tahun <2021 hingga 2023>. Pengalaman sebenar bagi pelan yang anda sertai mungkin berbeza daripada purata industri.



**Kini:** Sumbangan Takaful cukup untuk menampung Tuntutan dan Lain-lain

**Masa depan:** Akibat dari inflasi perubatan, Sumbangan Takaful tidak cukup untuk menampung Tuntutan dan Lain-lain

\*Lain-lain termasuk Perbelanjaan Pengurusan dan Keuntungan

Nota: Carta ini tidak dilukis mengikut skala

#### Langkah 4 Apa lagi yang perlu anda ketahui?

- Anda mesti menjawab soalan-soalan yang kami ajukan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah berhati-hati dalam menjawab soalan boleh mengakibatkan penolakan tuntutan anda atau penamatan sijil takaful anda.
- Jika anda memutuskan bahawa anda tidak mahu sijil takaful ini dalam tempoh 15 hari kalendar selepas sijil takaful diserahkan kepada anda, anda boleh menghubungi kami untuk membatalkan sijil takaful anda dan menerima bayaran balik penuh.
- Perlindungan anda hanya akan bermula 30 hari kalendar dari tarikh dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula yang terkini bagi sijil takaful kecuali bagi kecederaan disebabkan kemalangan.
- Fi Wakalah<sup>3</sup> yang perlu anda bayar ialah RM<total Wakalah fee throughout certificate term> atau <total Wakalah fee% throughout certificate term> daripada jumlah sumbangan takaful selama <certificate term> tahun. Tiada komisen yang dicaj untuk produk ini, keseluruhan fi Wakalah dibayar kepada Kami untuk menampung perbelanjaan pengurusan pelan.

Ini bukan senarai yang lengkap. Sila baca sijil takaful anda dengan teliti untuk maklumat terperinci berkenaan terma dan syarat utama.

<sup>3</sup> Angka ini adalah berdasarkan sumbangan takaful semasa pada umur yang dicapai.

#### Langkah 5 Adakah anda telah pertimbangkan produk lain yang mungkin memenuhi keperluan anda?

Jadual Pilihan Produk

| Nama                            | Produk yang Dicapadangkan                                                            | Pilihan Produk Alternatif                                                                                                                           |                                                                                                                                                     |
|---------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                 | i-MedicalCard Elite<br><Plan Type>                                                   | Pilihan 1<br>i-MedicalCard Elite<br><Plan Type>                                                                                                     | Pilihan 2<br>i-MedicalCard Elite<br><Plan Type>                                                                                                     |
| Sumbangan Tahunan               | RM<Annual contribution amount>                                                       | RM<Annual contribution amount><br><i>Sumbangan tahunan adalah [lebih tinggi/rendah] sebanyak RM&lt;amount of annual contribution difference&gt;</i> | RM<Annual contribution amount><br><i>Sumbangan tahunan adalah [lebih tinggi/rendah] sebanyak RM&lt;amount of annual contribution difference&gt;</i> |
| Jenis                           | Fasiliti tanpa tunai<br>'Kami bayar terus kepada hospital'                           | Fasiliti tanpa tunai<br>'Kami bayar terus kepada hospital'                                                                                          | Fasiliti tanpa tunai<br>'Kami bayar terus kepada hospital'                                                                                          |
| Tempoh Perlindungan             | Hingga umur 85<br>'Pembaharuan dijamin tetapi kadar sumbangan takaful tidak dijamin' | Hingga umur 85<br>'Pembaharuan dijamin tetapi kadar sumbangan takaful tidak dijamin'                                                                | Hingga umur 85<br>'Pembaharuan dijamin tetapi kadar sumbangan takaful tidak dijamin'                                                                |
| Deduktibel                      | Deduktibel RM<deductible amount>                                                     | Deduktibel RM<deductible amount>                                                                                                                    | Deduktibel RM<deductible amount>                                                                                                                    |
| Bilik & Makanan Hospital        | RM<Room & Board amount> sehari                                                       | RM<Room & Board amount> sehari                                                                                                                      | RM<Room & Board amount> sehari                                                                                                                      |
| Fi Pembedahan                   | Seperti yang dicaj                                                                   | Seperti yang dicaj                                                                                                                                  | Seperti yang dicaj                                                                                                                                  |
| Had Tahunan Keseluruhan         | RM<overall annual limit amount>                                                      | RM<overall annual limit amount>                                                                                                                     | RM<overall annual limit amount>                                                                                                                     |
| Had Sepanjang Hayat Keseluruhan | Tiada had                                                                            | Tiada had                                                                                                                                           | Tiada had                                                                                                                                           |

• **Deduktibel:** Jumlah tetap yang perlu anda bayar sebelum perlindungan sebenar anda bermula. Contohnya, deduktibel RM500 bermaksud anda perlu membayar RM500 dari poket sendiri dan kami akan membayar baki (sehingga had yang relevan).

• **Had Tahunan Keseluruhan:** Jumlah maksimum yang boleh anda tuntutan dalam satu tahun sijil.

• **Had Sepanjang Hayat Keseluruhan:** Jumlah maksimum yang boleh anda tuntutan sepanjang hayat anda.

Jadual ini tidak merangkumi semua ciri produk yang dibandingkan. Sila hubungi Etiqa Online di 1-300-13-8888, atau e-mel ke info@etiqa.com.my untuk maklumat lanjut mengenai perbezaan ciri produk-produk ini.

#### Pengakuan Pelanggan\*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan anda faham tujuan tandatangan anda.

- ☐ Saya mengakui bahawa Etiqa Family Takaful Berhad telah memberikan saya salinan Helaian Pendedahan Produk.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam Helaian Pendedahan Produk ini.

\* Pengakuan pelanggan terhadap Helaian Pendedahan Produk ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mencari penyelesaian sekiranya berlaku pertikaian terhadap terma dan syarat produk di kemudian hari.

-----  
Nama:

Tarikh: